

Berita Harian

MERENTAS GENERASI

23 DISEMBER 2012

RIBUT DI SHAH ALAM

Seorang pekerja berdoa selepas solat dalam hujan ribut yang menyebabkan sebahagian khemah diterbangkan angin pada Festival Pop Selamatkan Gaza di Shah Alam.

 NASIONAL 26



Kakitangan festival **memegang khemah masing-masing dari ditiup ribut** berikutan **hujan lebat** pada Festival Pop Selamatkan Gaza anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM).
[FOTO ADIB RAWI YAHYA/BH]

Hujan, ribut jejas Festival Gaza

Shah Alam: Hujan berserta ribut petang semalam menyebabkan program Pop Festival : Selamatkan Gaza di Padang Kawad Universiti Teknologi MARA (UiTM) di sini, kucar kacir.

Kedaaan cemas apabila angin kencang menerbangkan kira-kira 10 khemah pameran yang dipasang sementara kira-kira 400 pengunjung bertempiran melarikan diri untuk berteduh.

Selamatkan khemah

Beberapa urus setia festival dilihat bertungkus lumus menyelamatkan khemah yang ditiup angin, walaupun ada khemah yang diterbangkan dan menimpa beberapa kenderaan yang diletakkan berdekatan dengan tapak pameran.

Presiden Majlis Belia Selangor (MBS), Datuk Irmohizam Ibrahim, ketika dihubungi,

berkata ketika kejadian kira-kira jam 3 petang itu, beliau berada di Padang Kawad UiTM iaitu tapak festival dan melihat sendiri bagaimana angin kencang menerbangkan khemah yang dipasang.

Hampir cedera

Katanya, beliau juga nyaris cedera kerana hampir terkena khemah yang melayang manakala pada masa sama, wa-

yar elektrik masih belum dipadamkan, sebelum beberapa belia yang berada di situ menolaknya dan mematikan bekalan elektrik.

Bagaimanapun, katanya, tiada kecederaan serius dilaporkan kerana peserta pameran segera menyelamatkan barang pameran yang dibawa.

“Urusetia bertungkus lumus berpaut kepada khemah yang ditiup angin bagi memastikan ia tidak diterbangkan.

Banjir kilat

“Pada masa sama, kami juga meminta peserta segera mengalihkan kenderaan masing-masing selepas berlaku banjir kilat,” katanya.

Irmohizam berkata, MBS adalah penganjur bersama dengan Pertubuhan Anak Muda Inde dan 1M4U untuk program berkenaan.



FAKTA NOMBOR

400 orang

pengunjung bertempiran melarikan diri untuk berteduh.